

07/09/1997

Pertemuan lebih kerap dengan mufti

imah Ramli

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedia mengadakan pertemuan lebih kerap dengan mufti bagi merapatkan hubungan di antara umarak dan ulama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, agak sukar bagi kerajaan mengadakan pertemuan dengan semua ulama kerana tafsiran ulama di negara ini terlalu luas sehingga ramai orang mendakwa diri mereka sebagai golongan itu.

"Yang penting ialah siapa yang dianggap sebagai ulama. Kalau dikatakan mufti, yalah... kita akan jumpa mufti. Tetapi sekarang ini terlalu banyak yang mendakwa diri mereka sebagai ulama.

"Sebenarnya ulama dalam masyarakat Islam ialah orang yang diiktiraf oleh masyarakat sebagai orang yang terpelajar, bukan dia (ulama) membuat dakwaan itu atau pun dia mempunyai sijil ulama.

"Kita tidak keluar sijil ulama. Tetapi orang seperti Imam Syafei, Bukhari dan lain-lain... orang ini diakui sebagai ulama oleh masyarakat dan kerana itu kita iktiraf," katanya menjawab soalan pemberita selepas Perhimpunan Agung Umno ditangguhkan, petang semalam.

Sebelum itu, wakil Kelantan, Mohd Alwi Che Ahmad, ketika membahaskan usul agama mencadangkan supaya pertemuan lebih kerap diadakan di antara kerajaan dan ulama supaya kedua-dua seiring membangunkan negara.

Berhubung kenyataan Mufti Perak, Datuk Harussani Zakaria semalam yang menafikan semua mufti setuju untuk tidak membuat fatwa tanpa merujuk kepada Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Dr Mahathir enggan mengulas kerana beliau belum membaca laporan itu.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman menjelaskan, kerajaan tidak pernah memaksa mufti supaya bersetuju dalam proses membuat fatwa tanpa merujuk Majlis Fatwa Kebangsaan.

Menurutnya, antara bentuk penyelarasan yang akan dibuat ialah kes atau masalah yang dihadapi oleh seseorang mufti perlu dibincangkan oleh semua mufti.

"Maksudnya, kalau sebuah negeri hendak membincangkan sesuatu isu, maka mufti negeri lain akan terbabit. Mufti ada salurannya iaitu Majlis Fatwa Kebangsaan. Kita tidak memaksa mereka.

"Jika tidak, bagaimana sebuah negeri yang membincangkan sesuatu isu tidak memaklumkan kepada mufti di negeri lain. Ini kerana sempadan antara negeri di negara ini tidak begitu muktamad.

"Kaedah sekarang ialah isu yang besar dibawa kepada majlis untuk dibincangkan, kemudian keputusannya dibawa balik semula ke negeri," katanya.

Laporan sebelum ini menyebut, dalam pertemuan mufti dengan Perdana Menteri pada 2 September lalu, mereka bersetuju satu penyelarasan fatwa di seluruh negara dilakukan melalui Majlis Fatwa Kebangsaan.

Dr Abdul Hamid berkata, amalan membuat fatwa secara berasingan pada peringkat negeri adalah tidak praktikal kerana sempadan antara negeri seolah-olah tidak wujud di negara ini. Amalan itu juga membuktikan tidak ada penyelarasan dalam proses membuat fatwa.

(END)